

D331

U B543 DEB

MAHATHIR-INTEGRASI

LUBOK ANTU (BAHAGIAN KEDUA SARAWAK), 20 OGOS (BERNAMA) --
PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU RAKYAT
SUPAYA MEMPERJUANGKAN INTEGRASI NASIONAL KERANA IA MERUPAKAN SATU
KEPENTINGAN JANGKA PANJANG YANG AKAN MENJADI SALAH SATU ASAS
KEUTUHAN MASA DEPAN NEGARA.

KATANYA RAKYAT SEHARUSNYA TIDAK MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA
KEPERLUAN SEMASA ATAU KEPADA SATU KEPENTINGAN JANGKA PENDEK SAHAJA
KERANA SIKAP DEMIKIAN AKAN MEMBAWA KESAN YANG MERUGIKAN NEGARA .

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL
MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA KEPADA KHEMAM KERJA GERAKAN
PEMUDA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG AKAN BERMULA DI
BANDAR INI ESOK.

KETUA-KETUA DAN WAKIL KESEBELAS KOMPONEN BARISAN NASIONAL AKAN
MENGIKUTI SEMINAR LIMA HARI ITU YANG BERTEMAKAN +KE ARAH PENCAPAIAN
MATLAMAT INTEGRASI NASIONAL.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TERTARIK HATI DENGAN TEMA
ITU KERANA IA SUDAH TENTU MENGGAMBARAKAN KEAZAMAN BAKAL-BAKAL PEMIMPIN
NEGARA MENGENAI PERKARA YANG SANGAT PENTING ITU. -- LAGI.

1518MST 20 08 85

D332

U B544 DEB

MAHATHIR-INTEGRASI 2 LUBOK ANTU

BELIAU YAKIN PERTEMUAN PARA PEMIMPIN MUDA PARTI-PARTI KOMPONEN BN INI AKAN MENGHASILKAN USAHA-USAHA BARU KE ARAH INTEGRASI NASIONAL.

DALAM PERUTUSANNYA PULA, KETUA MENTERI SARAWAK DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MENGANGGAP PERJUMPAAN SEPERTI INI MEMBUKTIKAN LAGI HUBUNGAN ERAT DAN PERSEFAHAMAN YANG TULEN YANG SENTIASA DIAMALKAN DI KALANGAN PARTI KOMPONEN BN.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU SARAWAK (PBB) DAN Pengerusi BN Negeri berkata ini sudah pasti akan menyenangkan usaha dan tekad anggota-anggota BN untuk terus berganding bahu dan berkerjasama.

kesedaran mendalam di kalangan anggota-anggota pemuda BN terhadap dasar integrasi nasional dan usaha padu dan praktikal dalam perlaksanaannya adalah suatu pencapaian yang bermutu tinggi dan boleh menjamin masa depan yang lebih makmur bagi Malaysia, katanya.

Ketua pergerakan pemuda UMNO, Encik Anuar Ibrahim akan membentangkan satu kertas kerja bertajuk +INTEGRASI NASIONAL ASAS KEUTUHAN NEGARA+ PETANG ESOK. -- BERNAMA.

1520MST 20 08 85